

# Mesyuarat pertama jawatankuasa khas kerahan tenaga Selasa

UM : 9 NOV 2002

KUALA LUMPUR 8 Nov. — Mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga akan diadakan Selasa ini, kata pengerusinya Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan memberitahu jawatankuasa itu akan bertemu bagi menjadualkan perjumpaan dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti-parti politik bagi mendapatkan pandangan berhubung pelaksanaannya.

“Kita akan jadualkan perjumpaan dengan beberapa pertubuhan, persatuan NGO dan parti politik.

“Saya akan jumpa dengan Majlis Belia Malaysia (MBM) pada Khamis ini,” katanya.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai pelaksanaan program tersebut atas alasan pihaknya masih dalam proses menerima cadangan.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Program Nur Ramadan anjuran Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan di Masjid Ubudiah, Segambut Dalam di sini malam tadi.

Kabinet minggu lalu bersetuju memperkenalkan kerahan tenaga wajib dan beruniform ala Malaysia dalam usaha memupuk semangat patriotisme yang lebih kental di kalangan generasi muda.

Jawatankuasa khas yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan kerahan tenaga itu dianggotai oleh lima orang menteri dan dua orang timbalan menteri.

Pelaksanaan kerahan tenaga dicadangkan oleh aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye semasa dialog dengan Perdana Menteri pada Kongres Patriotisme Negara anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) di Bangi bulan lepas.

Cadangan itu menarik perhatian Dr.

Mahathir yang kemudian mengemukakan kepada Kabinet.

Najib sebelum ini tidak menolak kemungkinan Jawatankuasa Khas yang dipengeruskannya akan merujuk beberapa negara lain termasuk Singapura sebagai perbandingan dalam membentuk modul kerahan tenaga Malaysia.

Beliau juga dilaporkan berkata, latihan ketatanegaraan yang akan dijalankan mungkin mempunyai persamaan dengan kursus atau kem bina semangat anjuran Biro Tatanegara (BTN) tetapi dalam tempoh lebih lama dan skop yang luas.

Terdahulu ketika berucap melancarkan Program Nur Ramadhan, Najib berkata, rakyat Malaysia perlu bangga dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kerajaan Arab Saudi kepada Perdana Menteri.

Beliau menarik perhatian mengenai kesediaan Arab Saudi membenarkan Dr. Mahathir memasuki kawasan Makam Rasulullah s.a.w. dan Kaabah dalam dua lawatan ke negara itu.

Difahamkan penghormatan sebegitu jarang-jarang sekali diberikan kepada pemimpin negara malah di kalangan para menteri Arab Saudi sendiri tidak mendapat peluang sedemikian.

“Ini menggambarkan sanjungan iaitu suatu penghormatan yang tinggi terhadap Perdana Menteri.

“Sebagai negara Islam kita berbangga kerana semakin hari semakin disanjung. Ini membuktikan UMNO berada di landasan benar dan perjuangan kita diiktiraf oleh negara-negara Islam,” katanya.

Lebih 4,000 orang menghadiri Program Nur Ramadhan itu yang akan diperluaskan ke semua 12 kawasan Parlimen Wilayah Persekutuan sepanjang bulan puasa.